



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Cerpen Tanggar Amanat (Amaruszati Noor Rahim)

Sinopsis

Di Yellowstone Hawa dan Adam iaitu sepasang suami isteri tinggal di situ. Hawa yang sedang hamil menghadapi konflik apabila Adam suaminya mengajaknya pulang ke Malaysia sedangkan dia ingin terus mempertahankan perusahaan warisan Taman Nasional Melayu Ahmad Abdullah yang pertama di situ. Tambahan lagi kawasan Yellowstone merupakan kawasan lingkaran gunung berapi. Dalam keadaan kebingungan ditinggalkan Adam, Hawa berhalunisasi dengan janin dalam kandungannya yang berdialog dengannya tentang kemusnahan yang akan dihadapi jika terus tinggal di situ. Atas nasihat dan pandangan yang diberikan oleh janin dalam kandungannya, Hawa mengambil keputusan untuk mengikut Adam pulang ke Malaysia.

Tema

Semangat patriotik yang disuntik bagi meneruskan warisan keluarga. Halunisasi janin dan Hawa menyebabkan Hawa mengambil keputusan kembali ke Malaysia mengikut suaminya Adam yang mahukan mereka meneruskan perusahaan warisan Taman Nasional Melayu Ahmad Abdullah.

Persoalan

1. Persoalan kegigihan mencari rezeki di tempat orang. Adam gigih mencari rezeki di Yellowstone, Amerika Syarikat..
2. Persoalan perkahwinan campur di luar negara. Adam berasal dari Malaysia berkahwin dengan Hawa gadis kelahiran Yellowstone, Amerika Syarikat..
3. Persoalan kepincangan hidup di tempat orang. Kehidupan di luar negara tidak sama dengan kehidupan di tanah air sendiri.
4. Persoalan kepercayaan atas kuasa Yang Maha Besar. Hawa mengaku segala yang berlaku adalah ketentuan Allah.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Plot

Secara keseluruhannya, plot cerpen ini digarap mengikut kronologi. Terdapat empat peringkat garapan plot iaitu:

(i) Permulaan

Plot dimulakan dengan memperkenalkan watak Hawa yang mengalami alahan semasa mengandung. Dia terkenangkan Adam yang entah ke mana setelah gagal memujuknya agar meninggalkan tempat itu setelah ada ramalan bahawa Yellowstone akan dilanda bencana.

(ii) Perkembangan

Setelah ditinggalkan Adam, Hawa mula berhalusinasi bahawa dia berada di alam rahim dan berkomunikasi dengan janinnya sendiri.

(iii) Konflik

Konflik timbul apabila janin membangkang keputusan Hawa untuk kekal di tempat itu

(iv) Klimaks

Hawa mula sedar bahawa keselamatan janinnya lebih penting berbanding kepentingan mempertahankan perusahaan di Yellowstone.

(v) Peleraian

Hawa tersedar dari halusinasinya kerana mendengar Adam memanggil namanya berkali-kali.

**Teknik Plot****1. Pemerian**

Contohnya :

..Roma tengukunya meremang. Topi jaket di tarik ke kepala yang pening semenjak subuh tadi. Dunia bagai diayun. Berdiri bagai tidak jejak bumi. Loya mengganggu tekak, tetapi dia...

2. Suspens

Contohnya ;

Istighfarnya berenang dalam lautan merah. Hangat terasa. Di mana? Dalam lahar Yellowstone? Tidak mungkin. Ini bukan hangat kawalan api Yellowstone. Tidak mungkin dia hidup dalam tumbuhan gelegak lava. Kalimah Lailahailallah terdengar...

Watak dan Perwatakan**Watak Utama****1. Hawa**

- Keturunan Ahmad Abdullah dan Maria Cruz Abdullah
- Seorang yang penyayang. Dia amat menyayangi anak dalam kandungannya dan suaminya, Adam.
- Seorang yang setia dengan hubungan keluarga. Amat menyayangi Adam suaminya.
- Seorang yang penakut. Dia takut kehilangan suaminya yang akan balik ke Malaysia.
- Isteri kepada Adam



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Watak sampingan

1. Adam

- Suami Hawa
- Seorang yang penyabar. Sabar memujuk Hawa supaya mengikutnya kembali ke Malaysia.
- Mempunyai sifat patriotik yang tinggi . Ingin kembali dan menetap ke Malaysia..

2. Janin

- Generasi ke-8 Ahmad Abdullah.
- Mempunyai keberanian yang tinggi untuk menyatakan pendiriannya. Berani memberi pandangan terhadap ibunya supaya mengikut ayahnya kembali ke Malaysia.
- Ikhlas memberi pandangan. Dia ikhlas member pandangan kepada ibunya.
- Mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Mempunyai semangat patriotik terhadap tanah tumpah darah ayahnya, Adam.

Latar

Latar Masa

1. Lapan tahun menunggu zuriat.
2. Generasi kelapan Ahmad Abdullah.

Latar tempat

1. Yellowstone.
2. Devils Tower.
3. Canyon Village.

Latar Masyarakat

1. Masyarakat yang penyayang terhadap hubungan kekeluargaan, iaitu Hawa yang menyayangi janinnya.
2. Masyarakat yang memperjuangkan warisan keluarga, Contohnya Hawa yang berkeras mahu mempertahankan perusahaan keluarganya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

3. Masyarakat yang maju dalam bidang perniagaan, Contohnya Perusahaan Taman Nasional Yellowstone yang sudah bertahan sehingga generasi kelapan.
4. Masyarakat yang percaya kepada kekuasaan Tuhan, Contohnya janin yang mendengar degupan jantung yang berzikir kepada Tuhan.

Gaya Bahasa

1. Kata ganda

Contohnya : tiba-tiba.

2. Metafora

Contohnya :perut bumi.

3. Hiperbola

Contohnya : kita akan terpelanting, lebur, berkecai entah ke mana.

4. Simile

Contohnya : lidah merah melahap bagai naga menyemburkan api.

5. Personifikasi

Contohnya ; kita kembangkan sayap warisan di tempat lain.

6. Kata pinjaman

Contohnya :

Bahasa Arab (Kun Fayakun).

Nilai

1. Nilai kasih sayang, Contohnya Hawa menyayangi perusahaan keluarganya yang telah diwarisi turun-temurun.
2. Nilai kesabararan. Contohnya Adam masih bersabar dengan Hawa semasa menghadapi pertentangan pendapat.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

3. Nilai ketabahan. Contohnya Ahmad Abdullah yang tabah menghadapi cabaran hidup di tempat orang.

Pengajaran

1. Kita hendaklah menyayangi sebarang usaha yang menjadi warisan keluarga. Contohnya Hawa yang sanggup mempertahankan perusahaan keluarganya di Yellowstone.
2. Kita hendaklah sabar menghadapi tekanan. Contohnya Adam yang bersabar dengan kedegilan Hawa.
3. Kita mestilah tabah. Contohnya Ahmad Abdullah yang tabah menempuh dugaan hidup di perantauan.

Latihan

1. Namakan tiga geiser air panas yang ada di Yellowstone.
2. Siapakah yang menjadi pengasas Taman Nasional Yellowstone

Jawapan

1. Tiga geiser air panas yang ada di Yellowstone ialah Grand Geysir, Giantess Geysir dan Castle Geysir.
2. Pengasas Taman Nasional Yellowstone ialah Ahmad Abdullah.



Tingkatan 5

NOTA RUJUKAN KOMSAS